

Jati diri tiada musim

Oleh AZMI HASSAN

TIDAK semua perkara yang asal-usulnya dari Amerika Syarikat (AS) adalah suatu yang tidak baik kerana dalam hal-hal tertentu banyak perkara yang rakyat Malaysia boleh teladani dan pelajari. Semangat cintakan negara atau patriotisme yang dipamerkan oleh rakyat AS terhadap negara mereka adalah antara yang terbaik di kalangan masyarakat dunia yang lain.

Sikap patriotisme rakyat AS terhadap tentera dan sejarah negara mereka sememangnya sukar ditandingi oleh rakyat negara lain. Walaupun Presiden George W. Bush dikritik hebat kerana polisi beliau masih berkeras mengekalkan tentera AS di Iraq, tetapi rakyat beliau tetap memberi sokongan padu kepada anggota tentera melalui peruntukan kewangan yang lumayan.

Begitu juga dengan semangat patriotisme selepas serangan 11 September 2001 mempamerkan bagaimana rakyat AS yang berbagai keturunan dan asal-usul mampu bersatu. Sebab itu pada tarikh 4 Julai setiap tahun, iaitu sambutan Hari Kemerdekaan AS, rakyat mereka begitu mudah menunjukkan sikap cintakan negara dan patriotisme secara spontan di mana tidak timbul elemen paksaan untuk melakukan sesuatu.

Jiran terdekat Malaysia, iaitu Singapura juga dikatakan mempunyai rakyat yang mempunyai semangat patriotik yang agak tinggi. Ada pihak yang membuat andaian semangat luar biasa cintakan negara ini timbul kerana pemerintah Singapura dengan bijak mengatur strategi seolah-olah negara mereka perlu sentiasa berwaspada. Tetapi satu hakikat yang sukar ditolak ialah pada setiap sambutan Hari Kemerdekaan pada 9 Ogos, rakyat Singapura bersama-sama menyertainya dengan penuh ikhlas tanpa ada unsur paksaan atau berpura-pura.

Tetapi agak berbeza dengan Malaysia kerana setiap tahun pada Bulan Kemerdekaan akan timbul desas-desus yang bagaikan menuduh rakyat Malaysia tidak mempunyai semangat patriotik cintakan negara. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim adalah mereka yang palingantang mempersoalkan kesungguhan setengah pihak merayakan ulang tahun kemerdekaan ke-50. Beberapa minggu lepas beliau telah meluahkan rasa kecewa kerana masih banyak bangunan dan rumah kediaman yang gagal mengibarkan Jalur Gemilang. Beliau berkata: "Pada tahun ini kita minta satu kesedaran diterima bahawa Malaysia adalah milik kita. Ini negara kita, kita hidup di sini, belajar di sini, cari makan di sini."

Tambah beliau: "Jadi apa salahnya sekali kita mengibarkan bendera di ba-

ngunan dan rumah masing-masing. Bagi mereka yang tidak mampu beli bendera, kami akan bekalkan. Bagi syarikat, kami mohon supaya mereka membeli sendiri."

Perlu diingat sikap mengibarkan bendera adalah antara ciri terpenting yang mampu menggambarkan tahap semangat patriotisme individu atau organisasi. Singapura umpamanya menyedari hakikat tersebut dengan memansuhkan undang-undang yang melarang individu mengibarkan bendera kecuali pada Hari Kemerdekaan. Sebaliknya rakyat Singapura digalakkan mengibarkan bendera pada setiap masa.

Ada pula yang cuba mengaitkan sikap acuh tak acuh mengibarkan Jalur Gemilang dengan jati diri merdeka rakyat Malaysia yang dikatakan begitu cetek dan rapuh. Ramai juga yang sangsi dengan kekentalan jiwa rakyat Malaysia apabila berhadapan dengan isu yang berkait rapat dengan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Mungkinkah rakyat Malaysia begitu selesa dengan keadaan aman pada masa sekarang sehingga langsung alpa dengan semangat patriotisme mereka? Mungkin ada yang merasakan apa perlu menunjukkan semangat patriotik pada Bulan Kemerdekaan kerana negara bukannya berada di rantau yang penuh dengan ancaman. Lagipun, ada yang berpendapat Hari Kemerdekaan sudah menjadi perkara lazim kerana disambut pada setiap tahun.

Mempamerkan

Jangan pula kita menjadi seperti rakyat Britain yang tidak mempunyai satu kaedah untuk mempamerkan semangat patriotisme seperti mengibarkan bendera kerana negara tersebut tidak mempunyai sambutan Hari Kemerdekaan ataupun sambutan yang selari dengan kedaulatan sesebuah negara. Perdana Menteri Britain, Gordon Brown menyedari akan kepincangan tersebut dan berusaha dengan keras untuk mewujudkan satu hari ala Hari Kemerdekaan. Beliau pernah memberi hujah: "Jika rakyat Perancis mempunyai Bastille Day dan rakyat Amerika pula begitu bangga dengan Independence Day, maka tiada sebab rakyat Britain tidak mempunyai mekanisme yang serupa untuk meraikan kedaulatan negara mereka."

Sikap tidak mengambil berat sebahagian rakyat Malaysia apabila berhadapan dengan sambutan Bulan Kemerdekaan mampu membawa kesan yang tidak baik ketika berhadapan dengan isu yang mencabar kedaulatan negara. Jangan pula kita menjadi seperti remaja Jepun yang rata-rata tidak mempedulikan sangat rentetan sejarah negara me-



SEMANGAT cintakan tanah air mesti dipupuk sejak awal lagi dan usaha memastikan ia berkekalan mesti dilaksanakan bersungguh-sungguh.

- Gambar hiasan

Mungkinkah rakyat Malaysia begitu selesa dengan keadaan aman pada masa sekarang sehingga langsung alpa dengan semangat patriotisme mereka?

reka terutama sekali apa yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua. Ada di kalangan remaja tersebut langsung tidak boleh menerima hakikat bahawa AS dan Jepun pada satu ketika dahulu pernah berperang.

Sebab itu kerajaan Jepun di bawah pimpinan Shinzo Abe telah meluluskan undang-undang yang antara lain mewajibkan sekolah mengajar murid mereka untuk menjadi lebih patriotik. Begitu juga dengan Presiden Vladimir Putin yang memimpin salah satu negara kuasa besar dunia, begitu runsing dengan tahap semangat patriotisme rakyat Rusia dengan melancarkan program lima tahun untuk mengembalikan semangat patriotisme kepada tahap sebelum Soviet Union berpecah.

Malaysia sepatutnya belajar daripada strategi dan amalan Singapura apabila berhadapan dengan masalah semangat patriotik, jati diri dan kekentalan jiwa rakyat mereka yang luntur. Singapura adalah contoh terbaik sebagai sebuah negara yang telah berjaya membentuk pemikiran rakyat mereka yang membolehkan setiap ancaman dan tohmahan ditepis dengan begitu mudah sekali.

Jati diri rakyat Singapura diasuh de-

ngan begitu teliti dan bersistematik bukan hanya pada hari sambutan kemerdekaan tetapi melalui program sepanjang tahun bermula dari sekolah rendah sehinggalah ke Khidmat Negara. Begitu juga dengan kekentalan jiwa diperkuatkan lagi dengan mengaitkan setiap isu yang dihadapi dengan soal maruah dan kedaulatan negara mereka. Sebab itu tidak menghairankan apabila rakyat Malaysia dan Singapura sentiasa mengambil pendekatan yang agak berbeza walaupun isu yang dihadapi adalah serupa.

Adalah begitu menarik untuk meneliti reaksi kedua-dua rakyat negara tersebut apabila isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih bermula dengan pengguguran lisan oleh kedua-dua negara di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), The Hague pada bulan November akan datang.

□ **PROF. MADYA DR. AZMI HASSAN** ialah Pengarah Pusat Dasar Teknologi & Kajian Antarabangsa (Centepis) Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak Kuala Lumpur.